

Headline **Membina rumah idaman dengan Putra Blök**  
 Date **05. Jun 2008** Language **MALAY**  
 Media Title **Utusan Malaysia** Page No **4**  
 Section **Supplement** Article Size **707** cm2  
 Circulation **238082** Frequency **Daily**  
 Readership **833287** Color **Full Color**



MODEL rumah yang dibina oleh HRC mementingkan kesesuaian penghuni.



PUTRA Blok yang disusun dan sedia untuk digunakan.



PUTRA Blok sedang diuji ketahanan dan kekuatannya di UPM, Serdang, Selangor.

# Membina rumah idaman dengan Putra Blok

**P**ENUBUHAN Pusat Penyelidikan Perumahan (HRC), Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah tepat pada masanya dalam usaha menjadikan sektor pembinaan lebih mesra pengguna iaitu murah dan berkualiti.

Menurut Pengarah HRC, Prof. Dr. Abang Abdullah Abang Ali yang mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan struktur, seni bina tempatan sangat penting dalam memberi imej kepada negara, apatah lagi banyak binaan pada masa ini, bertaraf mega struktur.

"Kita perlu memberi penekanan kepada seni bina tempatan dan mengambil kira kesan kepada alam sekitar," katanya

Bangunan atau binaan khususnya rumah perlu mempunyai sistem pengudaraan bagi mengurangkan suhu dalamnya, kata beliau.

## Peranan

Justeru katanya, HRC mempunyai peranan untuk menggalakkan pembinaan rumah yang mempunyai ciri-ciri selesa tetapi murah dan mampu dimiliki oleh pembeli.

Malah kata beliau, selain bercirikan tempatan, rumah terbabit perlu tahan

kepada ancaman bencana seperti gempa bumi supaya tidak mengancam nyawa penghuninya.

HRC katanya, mempunyai peranan besar bukan sahaja dalam bidang penyelidikan tetapi juga tanggungjawab sosial termasuk untuk membina rumah golongan yang ditimpa bencana.

Abang Abdullah berkata, jurutera dan arkitek kini cenderung membina bangunan pencakar langit kerana kawasan tanah yang semakin berkurangan.

"Ini untuk meminimumkan penggunaan tanah selain menjadi mercu tanda," ujarnya.

Selepas beberapa tahun menjalankan kajian, HRC kini boleh berbangga

dengan Putra Blok yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Putra Blok merupakan hasil penyelidikan HRC, UPM dan pernah menerima Pingat Emas pada Pameran Reka Cipta, Teknik Baru dan Produk Antarabangsa ke-19 di Geneva pada 2001.

Projek tersebut diketuai oleh Abang Abdullah dan merupakan sistem blok cantuman dengan ciri-ciri untuk menampung beban. Sistem tersebut mempunyai tiga jenis iaitu usungan, sudut dan separa blok.

Headline **Membina rumah idaman dengan Putra Blök**  
Date **05. Jun 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**

### Kelebihan

- Mudah untuk dibina dan pelaburan lebih rendah.
- Ringan dan boleh dikendalikan secara manual.
- Mempunyai ciri-ciri perimbangan sendiri dan senang dibawa.
- Dijamin kukuh dan stabil, mesra modular dan sesuai digunakan untuk membina rumah, dinding, dan pagar.

Pusat Penyelidikan Perumahan, Universiti Putra Malaysia mempunyai visi:

- Menjalankan dan menyelaras penyelidikan dan pembangunan (R&D) semua aspek perumahan.
- Menjalankan latihan mengenai perumahan.
- Menggalakkan hubungan universiti-industri.
- Hubungan dalam bidang perumahan.
- Membina rumah yang mesra persekitaran dan sosial.
- Membangunkan pusat maklumat dan pangkalan data.

HRC boleh dihubungi pada talian 03-89467850 atau layari laman web [www.eng.upm.edu.my/hrc](http://www.eng.upm.edu.my/hrc)



ERNALEZA Mahsum (kanan) bersama rakannya, Iliana Azizan menunjukkan konsep pemasangan Putra Blok bagi membina bangunan.